

# Bakal jemaah terpedaya pakej umrah murah

UTUSAN MALAYSIA 28/12/2023 K/S: 32

**KUANTAN:** Seramai 19 bakal jemaah kecewa tidak dapat menunaikan umrah akibat terpedaya dengan penipuan satu pakej umrah murah ditawarkan sebuah syarikat pelancongan terkemuka di sini, semalam.

Pakej yang ditawarkan syarikat terbabit merupakan pakej 'Rindu Raudhah' berharga RM5,990 berbanding RM7,990 sebelum ini.

Mangsa, Kamarudin Yahaya, 65, berkata, gara-gara terpedaya dengan pakej umrah murah, dia sekeluarga tidak dapat mengerjakan umrah pada 11 November lalu.

Menurutnya, dia bercadang membawa empat ahli keluarganya untuk mengerjakan umrah tersebut.

"Dengan pakej umrah 'Rindu Raudhah' yang ditawarkan, saya terus membuat pendaftaran pada 27 Mac lalu di pejabat yang terletak di Indera Mahkota,



**SEBAHAGIAN** daripada bakal umrah membuat laporan di ibu pejabat polis daerah Kuantan di sini, semalam akibat tertipu dengan pakej murah ditawarkan sebuah syarikat pelancongan. - UTUSAN/ DIANA SURYA ABD WAHAB

dekat sini dengan bayaran penuh RM30,000 kepada syarikat berkenaan.

"Sepatutnya kami dijadualkan pergi umrah pada 1 November lalu, tetapi ditunda kepada 4 November dan sekali lagi di-

tunda pada Februari tahun hadapan, namun, tanpa sebarang tarikh. Itupun diberitahu melalui WhatsApp.

"Sehingga kini, syarikat tersebut tidak memberikan sebarang maklum balas. Dari situ

timbul satu kemusykilan," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Kesemua mereka hadir untuk membuat laporan polis ke atas syarikat berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, di sini semalam.

Difahamkan, masih terdapat ramai lagi individu menjadi mangsa syarikat berkenaan yang menawarkan pakej tersebut di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, seorang lagi mangsa, Norafi Mustafa, 55, berkata, dia tidak menyangka perkara itu berlaku ke atas dirinya kerana ini merupakan kali kedua dia menggunakan perkhidmatan umrah syarikat berkenaan.

Katanya, pakej kali ini lebih murah berbanding sebelum nya yang berharga sekitar RM8,000, dia turut mengajak 13 lagi rakan dan saudara-mara.